

13 OCT 1998

Shaari

JIM MINTA PRESIDENNYA DIBEBASKAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM) hari ini meminta pihak berkuasa membebaskan serta-merta presidennya Shaari Sungip yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam.

Naib presiden JIM Profesor Madya Dr Mohamed Hatta Shaharom meminta Shaari dibebaskan tanpa syarat atau dibicarakan di mahkamah terbuka.

"Kami yakin bahawa penahanan presiden kami akan menaikkan lagi semangat dan membulatkan tekad anggota untuk terus berusaha menegakkan keadilan dan menentang kezaliman," katanya kepada pemberita pada persidangan berita di ibu pejabat JIM di sini.

Beliau berkata penglibatan JIM dalam Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) dan Gagasan Demokrasi Rakyat tidak bermotifkan politik tetapi untuk memperjuangkan kebebasan bersuara rakyat dan memperluaskan proses perkongsian suara rakyat.

Konsep "Islah" yang diperjuangkan JIM, yang antara lain membawa maksud reformasi, tidak berkaitan secara langsung dengan gerakan reformasi yang diperjuangkan penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana konsep itu telah lama diperjuangkan JIM, katanya.

Beliau berkata JIM akan turut menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembebasan Shaari.

Polis semalam menahan Shaari berhubung kegiatannya yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Sehingga kini 19 orang termasuk Anwar ditahan mengikut ISA sejak 20 Sept lepas dan 14 daripada mereka telah dibebaskan termasuk bekas Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Sementara itu di ALOR SETAR, Pengerusi Gerak Datuk Fadzil Mohd Noor berkata Gerak menyesali dan mengutuk penahanan Shaari.

"Penangkapan ini menandakan kerajaan sekali lagi menyalahkan kuasa dengan tidak menghiraukan sentimen dan perasaan rakyat yang menentang ISA dan penggunaannya ke atas mana-mana individu rakyat," katanya

Gerak mendesak supaya kerajaan membebaskan Shaari dan lain-lain tahanan ISA dengan seberapa segera tanpa syarat.

Sementara itu Majlis Peguam dikecam kerana mempertikaikan tindakan kerajaan menggunakan ISA bagi tujuan mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Segambut Abdul Hadi Mohd Zam dalam satu kenyataan mengganggap tindakan Majlis itu sebagai tidak bertanggungjawab kerana mahkamah telah memutuskan bahawa Akta itu selaras dengan perlembagaan dan dengan itu tindakan yang diambil kerajaan mengikut ISA adalah wajar.

Beliau turut mempersoalkan tindakan Majlis Peguam yang hanya membangkitkan isu itu sekarang sedangkan tangkapan di bawah ISA telah dilaksanakan di masa-masa lalu.

Majlis Peguam pada mesyuarat luar biasanya Sabtu lepas menggesa supaya ISA dimansuhkan dan meminta supaya tahanan di bawah akta itu dibicarakan.

-- BERNAMA

HJ/WNZ/MN RON